

KENYATAAN MEDIA

Media Release



PERUBAHAN JADUAL WAKTU PERKHIDMATAN KTM KOMUTER SEKTOR PELABUHAN KLANG – TANJUNG MALIM – PELABUHAN KLANG EKORAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDASAN

17 Disember 2018 (Isnin) – KTM Berhad melalui perkhidmatan KTM Komuter ingin memaklumkan bahawa akan terdapat perubahan jadual waktu tren KTM Komuter untuk beberapa perkhidmatan bagi laluan Pelabuhan Klang – Tanjung Malim – Pelabuhan Klang. Perubahan jadual ini akan dilakukan pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad minggu keempat dan kelima bulan Disember 2018 dan minggu pertama bulan Januari 2019. Perubahan jadual waktu perlu dilaksanakan bagi memberi laluan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan membaik pulih landasan.

Kerja-kerja penyelenggaraan landasan akan berlangsung terus-menerus selama 30 jam mulai hari Jumaat, jam 11.00 malam dan akan tamat pada hari Ahad, jam 5.00 pagi mengikut tiga (3) fasa. Ketiga-tiga fasa ini akan melibatkan perubahan jadual bagi beberapa tren Komuter sahaja seperti jadual yang berikut:

FASA	TARIKH	JUMLAH TREN KOMUTER YANG TERLIBAT
PERTAMA	21 Disember hingga 23 Disember 2018 (Jumaat hingga Ahad)	19 (8 tren dari KL Sentral; 11 tren dari Pelabuhan Klang)
KEDUA	28 Disember hingga 30 Disember 2018 (Jumaat hingga Ahad)	22 (8 tren dari KL Sentral; 14 tren dari Pelabuhan Klang)
KETIGA	4 Januari hingga 6 Januari 2019 (Jumaat hingga Ahad)	6 (1 tren dari KL Sentral; 5 tren dari Pelabuhan Klang)

KTM Komuter akan menempatkan kakitangan yang mencukupi bagi membantu para penumpang di stesen-stesen yang terlibat sepanjang kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan.

Kerja-kerja penyelenggaraan landasan ini perlu dilaksanakan bagi tujuan keselamatan selain memberi keselesaan kepada perjalanan tren di laluan KL Sentral – Pelabuhan Klang.

Untuk keterangan lanjut berhubung perubahan jadual ini, para pengguna boleh merujuk laman sesawang rasmi KTM Berhad, www.ktmb.com.my, akaun media sosial rasmi KTM Berhad di KTM Berhad (Facebook), @ktm_berhad (Twitter) dan @ktmbofficial (Instagram) atau hubungi Pusat Panggilan KTMB di talian 03-2267 1200 untuk maklumat lanjut dan mendapatkan jadual waktu yang terkini.

Dikeluarkan oleh
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Keretapi Tanah Melayu Berhad



NOTIS

PERUBAHAN JADUAL WAKTU PERKHIDMATAN KTM KOMUTER SEKTOR PELABUHAN KLANG – TANJUNG MALIM – PELABUHAN KLANG BERIKUTAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDASAN



- 30 JAM
- JUMAAT (11 MALAM) HINGGA AHAD (5 PAGI)
- SILA RUJUK PERUBAHAN JADUAL WAKTU DI BAWAH



4 – 6 JANUARI 2019

Bil	No. Tren	Stesen Mula	Masa Berlepas (Asal)	Masa berlepas (Perubahan)	Perbezaan Masa Berlepas
KL SENTRAL – PEL.KLANG					
1	2343	KL Sentral	08:57	09:10	+13
2	2119	KL Sentral	09:16	09:24	+08
3	2345	KL Sentral	10:55	11:00	+5
4	2157	KL Sentral	20:20	20:30	+10
PEL.KLANG – KL SENTRAL					
1	2114	Pel. Klang	07:40	07:45	+5
2	2342	Pel. Klang	08:10	08:20	+5
3	2120	Pel. Klang	09:17	09:10	-7
4	2144	Pel. Klang	09:45	10:10	+25
5	2130	Pel. Klang	12:23	12:13	-10
6	2136	Pel. Klang	14:35	14:20	-15
7	2140	Pel. Klang	15:44	15:35	-9
8	2142	Pel. Klang	16:05	15:58	-7
9	2152	Pel. Klang	17:46	17:36	-10



03-22671200



www.ktmb.com.my



@ktm_berhad